



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: pro@dvs.gov.my**



**KENYATAAN KETUA PENGARAH
BERHUBUNG PENAWARAN DAN PERMINTAAN AYAM PEDAGING
SEMASA DAN SELEPAS HARI RAYA AIDILFITRI 2016**

1. Kenyataan ini bertujuan bagi menjelaskan penawaran dan permintaan ayam pedaging semasa dan selepas Hari Raya Aidilfitri 2016.

Status Bekalan Ayam

2. Jabatan memaklumkan bahawa bekalan ayam di musim perayaan Aidilfitri tahun 2016 seperti yang dirancang adalah mencukupi. Pengeluaran ayam mingguan pada bulan Mei (bulan biasa) ialah 13.02 juta ekor. Ianya meningkat kepada 13.41 juta ekor pada bulan Jun (bulan puasa) dan 13.78 juta ekor pada bulan Julai (bulan perayaan). Pengeluaran ayam pedaging mingguan dan harian untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2016 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Pengeluaran ayam mingguan dan harian untuk bulan Mei-Julai 2016
(Juta ekor)

Bulan	Purata Pengeluaran Mingguan (juta ekor)	Purata Pengeluaran Harian (juta ekor)	Catatan
Mei	13.02	1.86	Bulan biasa
Jun	13.41	1.91	Bulan Puasa
Julai (7)	13.78	1.97	Minggu Raya
Julai (14)	13.77	1.96	Minggu Selepas Raya

3. Untuk makluman, ayam daging yang berada di pasaran dirancang pengeluarannya sejak 60 hari lebih awal. Ia melibatkan dua peringkat;

- i) Penetasan telur – telur ayam bernas dieram dan ditetaskan di ladang penetas (*hatchery*), menghasilkan anak ayam berumur satu hari (*day old chick*, DOC) dan ia mengambil masa 21 hari.
- ii) Pemeliharaan ayam pedaging – DOC dipelihara oleh ladang-ladang ayam pedaging (*broiler farms*), menghasilkan ayam pedaging seberat 2 kilogram dengan tempoh pemeliharaan selama 40 hari, sebelum bersedia untuk dipasarkan.
- iii) Peratus kematian yang normal bagi ayam pedaging bermula dari anak ayam umur sehari hingga umur pasaran adalah 5%. Jika sekiranya kematian meningkat kepada 8% pengeluaran adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Perbezaan pengeluaran pada kadar kematian 5% dan 8% dan permintaan ayam pedaging.

Bulan	Purata Pengeluaran Mingguan pada kematian 5% (normal) (juta ekor)	Purata Pengeluaran Mingguan pada kematian 8% (juta ekor)	Perbezaan pengeluaran (juta ekor)	Permintaan (juta ekor)
Mei	13.02	12.63	0.39	12.11
Jun	13.41	13.01	0.40	12.47
Julai (7)	13.78	13.37	0.41	12.82
Julai (14)	13.77	13.36	0.41	12.81

4. Berhubung dengan kejadian penyakit Infectious Bronchitis (IB) seperti yang dilaporkan media massa, Jabatan memaklumkan bahawa penyakit ini adalah penyakit biasa berlaku dan diatasi dengan cara pemvaksinan. Tiada masalah dari segi bekalan vaksin untuk menangani penyakit IB. Berkaitan dengan isu ini, penternak (Pengerusi Persatuan Penternak Negeri Selangor) memaklumkan bahawa ladang beliau dijangkiti penyakit IB. Siasatan Jabatan menunjukkan bahawa memang berlaku penyakit tersebut di ladang berkenaan yang menunjukkan terdapat kelemahan didalam program pemvaksinan di peringkat ladang. Walaubagaimanapun, bilangan kematian yang dimaklumkan oleh penternak tidak akan mendatangkan impak keseluruhan bekalan ayam negara kerana bilangan tersebut adalah terlalu kecil berbanding dengan pengeluaran keseluruhan negara.

5. Pemantauan Jabatan sepanjang tahun 2016 mengesan enam kes kejadian penyakit IB di Perak dan Kedah. Namun begitu, ianya tidak menyebabkan kematian yang tinggi dan telah dapat dikawal dengan pemvaksinan yang berkesan. Jabatan mengesahkan bahawa penyakit IB bukanlah menjadi isu dalam bekalan ayam musim perayaan tahun ini.
6. Seperti sedia maklum bahawa sektor peternakan ayam negara bergantung sepenuhnya kepada bekalan jagung yang diimport. Terdapat masalah bekalan jagung bijirin dari negara pembekal utama iaitu Argentina yang sedikit sebanyak menjejaskan bekalan makanan untuk ayam. Masalah ini dijangka selesai pada penghujung bulan Julai 2016. Sementara menunggu bekalan jagung pulih, pihak pengilang ada memperoleh bekalan dari lain-lain sumber bagi menampung kekurangan bekalan dari Argentina yang merupakan 1/3 dari keperluan jagung tersebut. Ketidakteraturan dari segi kualiti sumber-sumber ini menjejaskan kecekapan *Feed Conversion* yang boleh melambatkan tempoh umur matang selama tiga hingga lima hari. Ini memberi sedikit kesan keatas kuantiti ayam yang akan dipasarkan. Namun demikian, bekalan ayam masih mencukupi dan melebihi daripada permintaan seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Kesan peningkatan umur pemeliharaan ayam 45 hari berikutan penurunan kadar *Feed Conversion*.

Bulan	Purata Pengeluaran Mingguan pada umur 40 hari (juta ekor)	Purata Pengeluaran Mingguan pada umur 45 hari (11%) (juta ekor)	Permintaan (juta ekor)	Perbezaan Pengeluaran dan permintaan (juta ekor)
Mei	13.02	12.23	12.11	0.12
Jun	13.41	12.61	12.47	0.14
Julai (7)	13.78	12.95	12.82	0.13
Julai (14)	13.77	12.94	12.81	0.13

7. Harga kawalan oleh KPDNKK di musim perayaan telah bermula pada 16 Jun 2016 dan berakhir pada 6 Julai 2016 iaitu pada harga RM7.90/kg.

Rumusan

Mengambilkira kesan penyakit IB dan juga bekalan bijirin jagung, pengeluaran ayam sebenarnya masih melebihi permintaan dalam Negara dan tiada isu kekurangan bekalan.